

Bil. S 20

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah Bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (MAHKAMAH PERANTARAAN), 1991**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Mahkamah Perantaraan), 1991 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu hari yang akan ditetapkan oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

Gelaran, hari permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan Mahkamah Perantaraan dan untuk mempersyaratkan perlembagaan, bidang kuasa dan kuasa-kuasanya dan pentadbiran keadilan di dalamnya".

2. (1) Dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

Tafsiran dan undang-undang bercanggah.

"tindakan" bermakna sebarang perbicaraan sivil yang dimulakan mengikut cara sebagaimana yang mungkin diper-syaratkan menurut amalan dan tatacara Mahkamah Tinggi yang berkuatkuasa pada masa itu ;

"penghakiman" termasuk dekri, perintah, arahan, hukuman atau keputusan ;

"pegawai kehakiman" bermakna Hakim Mahkamah Perantaraan atau pendaftar ;

"pendaftar" bermakna pendaftar Mahkamah Perantaraan dan termasuk timbalan pendaftar ;

"meterai" termasuk cap.

(2) Kecuali setakat yang diperbuat dengan nyata dalam Perintah ini yang berlawanan, tiada undang-undang bertulis setakat yang berlawanan dengan Perintah ini akan dikenakan atau boleh dianggap sebagai menyentuh Mahkamah Perantaraan pada menjalankan bidang kuasanya di bawah Perintah ini.

**BAHAGIAN II**  
**PERLEMBAGAAN**

- Mahkamah Perantaraan.
3. Adalah dengan ini ditubuhkan Mahkamah Perantaraan, yang merupakan mahkamah perekodan dengan bidang kuasa, kuasa-kuasa, kewajipan dan autoriti sebagaimana yang diberi dan dikenakan oleh Perintah ini dan oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain.
- Bangunan mahkamah.
4. Ketua Hakim boleh menetapkan tempat-tempat sebagaimana yang difikirkannya patut sebagai bangunan mahkamah bagi mahkamah itu.
- Meterai.
5. Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai dan menggunakan apabila keadaan menghendaki suatu meterai dari jenis sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.
- Proses Mahkamah.
6. Segala writ, saman, waran, perintah, notis dan proses mandatori lain yang dikeluarkan oleh Mahkamah Perantaraan hendaklah ditan- datangani oleh seseorang pegawai kehakiman dan mengandungi meterai mahkamah yang mengeluarkannya.
- Persidangan secara tertutup.
7. (1) Tempat-tempat di mana Mahkamah Perantaraan diadakan adalah dianggap sebagai mahkamah terbuka yang boleh dimasuki oleh orang awam pada amnya :
- Dengan syarat bahawa —
- (a) mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk mendengar sebarang perbicaraan atau mana-mana bahagiannya secara tertutup jika mahkamah berpuas hati bahawa adalah mustahak bagi kepentingan keadilan, keselamatan atau kepunyaan əwam, atau kerana sebab lain yang mencukupi untuk berbuat demikian ;
- (b) mahkamah hendaklah biasanya mengeluarkan seseorang saksi sehingga dia telah memberi keterangan dalam perbicaraan jika mahkamah menjalankan bidang kuasa jenayah.
- (2) Mahkamah Perantaraan boleh pada bila-bila masa memerintahkan bahawa tiada sesiapapun boleh menyiarkan nama, alamat atau gambar mana-mana saksi dalam sebarang perbicaraan atau sebarang keterangan atau sebarang perkara lain yang mungkin membawa kepada pengenalan mana-mana saksi itu ; dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar sebarang perintah ini boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, dikenakan denda sebanyak \$5,000 dan dihukum penjara selama satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Penghinaan.
8. Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, jika sebarang penghinaan dilakukan terhadap Mahkamah Perantaraan, mahkamah boleh, pada bila-bila masa sebelum di-

tangguhkan pada hari yang sama, mengambil tahu akan kesalahan, merekod fakta-fakta yang menjadi kesalahan dan pernyataan, jika ada, yang dibuat oleh pesalah dan menghukum pesalah dengan denda sebanyak \$1,000 dan penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali :

Dengan syarat bahawa mahkamah boleh, atas budi bicaranya —

- (a) membebaskan pesalah atau meremit hukuman apabila dia meminta maaf sehingga memuaskan hati mahkamah ;
- (b) sebagai ganti mengambil tahu akan kesalahan, membenarkan suatu pendakwaan.

9. Tertakluk kepada Penggal XL dari Kanun Peraturan Jenayah, dalam sebarang perbicaraan di Mahkamah Perantaraan, sama ada pada menjalankan bidang kuasa jenayah atau sivilnya, mana-mana yang berikut boleh berucap kepada Mahkamah —

- (a) mana-mana pihak kepada perbicaraan itu ;
- (b) seseorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Besar ;
- (c) seseorang yang diterima masuk untuk menjalankan amalan bagi maksud perbicaraan itu di bawah ceraian (1) bab 7 dari Akta Ikhtisas Peguam ;
- (d) mana-mana orang lain yang dibenarkan dengan kebenaran mahkamah untuk hadir sebagai ganti suatu pihak kepada perbicaraan itu.

Hak untuk  
didengar.  
Penggal 7.

Penggal 132.

### BAHAGIAN III

#### LANTIKAN DAN TUGAS

10. (1) Tiap-tiap Mahkamah Perantaraan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Perantaraan yang bersidang sendirian.

Hakim.

(2) Hakim-Hakim Mahkamah Perantaraan hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang boleh melantik seberapa ramai Hakim sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh baginda.

(3) Seseorang tidaklah layak untuk dilantik sebagai Hakim Mahkamah Perantaraan melainkan jika dia berhak untuk menjalankan amalan di sesebuah mahkamah dengan mempunyai bidang kuasa yang tidak terhad dalam perkara-perkara sivil dan jenayah di Negara Brunei Darussalam atau di suatu bahagian Komanwel selama tidak kurang dari 5 tahun.

(4) Hakim Mahkamah Perantaraan hendaklah tidak mulai melakukan kewajipan jawatannya melainkan jika dia telah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Pendaftar dan timbalan pendaftar. 11. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seorang pendaftar dan timbalan-timbalan pendaftar bagi Mahkamah Perantaraan.

(2) Pendaftar dan timbalan-timbalan pendaftar adalah pesuruh-jaya kerana jawatan (ex-officio) bagi sumpah dan penyaksi awam.

(3) Segala kuasa dan kewajipan yang diberi dan dikenakan kepada pendaftar boleh dijalankan dan dilaksanakan oleh seseorang timbalan pendaftar.

Pegawai rendah. 12. (1) Hendaklah ditempatkan di dalam Mahkamah Perantaraan juru-jurubahasa, kerani-kerani, bailif-bailif, penghantar-penghantar saman dan pegawai-pegawai lain, dari masa ke semasa, yang pada pendapat Ketua Hakim diperlukan bagi pentadbiran keadilan dan penyempurnaan yang sewajarnya akan segala kuasa dan kewajipan yang terletakhak pada Mahkamah Perantaraan.

(2) Bailif-bailif, penghantar-penghantar saman dan mana-mana orang yang diberi kuasa pada amnya atau secara khas untuk berbuat demikian hendaklah menyempurnakan segala writ, saman, waran, perintah, notis dan proses mandatori lain Mahkamah Perantaraan yang diberikan kepada mereka, dan hendaklah membuat suatu pernyata mengenainya berserta dengan cara penyempurnaannya kepada mahkamah dari mana proses itu dikeluarkan, dan hendaklah menangkap dan menerima semua orang dan harta yang diserahkan untuk dijaga oleh Mahkamah Perantaraan.

(3) Seseorang bailif atau orang lain pada menyempurnakan sebarang writ rampasan dan penjualan atau sebarang writ lain penyempurnaan atau tahan harta boleh memasuki mana-mana bangunan, dan bagi maksud itu, jika perlu, boleh membuka dengan memecahkan sebarang pintu luar atau dalam atau tingkap bangunan itu atau sebarang bekas di dalamnya, dengan menggunakan kekerasan yang diperlukan dengan menasabah untuk memasukinya.

## BAHAGIAN IV

### BIDANG KUASA JENAYAH

Bidang kuasa jenayah. 13. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain tetapi tertakluk kepada ceraian (3), Mahkamah Perantaraan pada menjalankan bidang kuasa jenayahnya hendaklah mempunyai (bersama dengan Mahkamah Tinggi) segala bidang kuasa, kuasa, kewajipan dan autoriti yang terletakhak, diberi dan dikenakan kepada Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa asal jenayahnya.

(2) bagi maksud ceraian (1), segala undang-undang bertulis itu hendaklah ditafsirkan tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian sebagaimana yang mungkin perlu untuk membawanya menepati dengan Perintah ini.

(3) Mahkamah Perantaraan hendaklah tidak mempunyai bidang kuasa —

- (a) berkaitan dengan sebarang kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup ; atau
- (b) untuk mengenakan suatu tempoh penjara yang lebih lama dari 20 tahun berkaitan dengan sebarang kesalahan.

(4) Dalam sebarang perbicaraan di hadapan Mahkamah Perantaraan dalam mana adalah didapati selepas tertuduh disabitkan kesalahan bahawa suatu tempoh penjara yang lebih lama dari 20 tahun patut dikenakan berkaitan dengan kesalahan itu, maka Mahkamah Perantaraan boleh menyerahkannya kepada Mahkamah Tinggi untuk dijatuhkan hukuman.

(5) Apabila tertuduh diserahkan di bawah ceraian (4), Mahkamah Perantaraan boleh menahannya dalam kurungan sementara menunggu keputusan hukuman Mahkamah Tinggi yang mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman ke atasnya menurut undang-undang yang di bawahnya dia telah didapati bersalah oleh Mahkamah Perantaraan.

(6) Jika Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Perantaraan mempunyai bidang kuasa bersama berkaitan dengan sebarang pendakwaan atau perbicaraan, Pendakwa Raya atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan nyata olehnya secara bertulis hendaklah mengarahkan di Mahkamah-Mahkamah mana ianya akan dimulakan :

Dengan syarat bahawa, tertakluk kepada Perintah ini, bab 189 dari Kanun Peraturan Jenayah hendaklah dikenakan kepada Mahkamah Perantaraan sebagaimana ianya dikenakan kepada mahkamah majistret.

Penggal 7.

## BAHAGIAN V

### BIDANG KUASA SIVIL

14. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang ber tulis yang lain tetapi tertakluk kepada Perintah ini, Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai pada menjalankan bidang kuasa sivilnya bidang kuasa asal dalam tiap-tiap tindakan jika jumlah yang dituntut atau nilai hal perkara yang dipertikaikan melebihi dari \$15,000 tetapi tidak melebihi \$60,000 atau jumlah yang lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim dengan Perintah dalam *Warta Kerajaan*, jika —

Bidang  
kuasa  
am sivil.

- (a) alasan tindakan berbangkit di Negara Brunei Darussalam ;
- (b) defendan atau mana-mana satu defendan pada masa memulakan tindakan itu tinggal atau menjalankan perniagaan atau mempunyai harta atau bekerja sendiri bagi mendapatkan laba di Negara Brunei Darussalam ; atau

(c) fakta-fakta tindakan itu diasaskan wujud atau dikatakan telah berlaku di Negara Brunei Darussalam.

(2) Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sebarang tindakan jika jumlah yang dituntut atau nilai hal perkara yang dipertikaikan mengandungi baki yang tidak melebihi dari \$60,000 atau jumlah yang lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim dengan Perintah dalam *Warta Kerajaan* selepas tolakan sebarang hutang atau permintaan yang dituntut atau boleh didapatkan kembali oleh defendant dan daripada plaintif, iaitu tolakan yang diterima oleh plaintif mengikut butir-butir tuntutan atau permintaannya.

(3) Mahkamah Perantaraan hendaklah tidak mempunyai bidang kuasa dalam sebarang tindakan —

(a) tertakluk kepada ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 15, bagi mendapatkan kembali harta tak alih atau jika terdapat pertikaian tentang suatu hakmilik yang didaftarkan di bawah Kanun Tanah ;

(b) bagi tafsiran suatu suratcara amanah, penyempurnaan atau pentadbiran suatu amanah atau bagi suatu perisyiharan bahawa suatu amanah masih ada ;

(c) tertakluk kepada bab 16, bagi pemberian atau pembatalan probet atau surat kuasa mentadbir berkaitan dengan harta pusaka seseorang yang telah mati ;

(d) bagi tafsiran suatu wasiat atau, tertakluk kepada bab 17, bagi pentadbiran harta pusaka seseorang yang telah mati ;

(e) bagi suatu dekri perisyiharan, kecuali dalam perbicaraan interplider di bawah bab 18 ;

(f) di mana kesahan taraf mana-mana orang dipersoalkan ;

(g) di mana penjagaan atau pemeliharaan anak yang belum cukup umur dipersoalkan ;

(h) di mana kesahan atau pembubaran sebarang perkahwinan dipersoalkan.

(4) Suatu penghakiman Mahkamah Perantaraan adalah, kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan oleh Perintah ini, terakhir dan muktamad di antara pihak-pihak itu.

Tindakan-tindakan mengenai harta tak alih.

Penggal 40.

15. (1) Jika suatu tindakan bagi mendapatkan kembali harta tak alih dimulakan di Mahkamah Perantaraan, defendant boleh, dalam masa satu bulan memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya tindakan itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi atas alasan bahawa terdapat pertikaian tentang suatu hakmilik yang didaftarkan di bawah Kanun Tanah.

(2) Apabila sebarang permohonan itu didengar, Hakim Mahkamah Tinggi, jika berpuas hati bahawa terdapat pertikaian tentang hakmilik, boleh memerintahkan supaya tindakan itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

(3) Jika tiada permohonan dibuat di bawah ceraian (1) atau jika permohonan seumpama itu dibuat tetapi tiada perintah dibuat bagi pemindahan tindakan itu, Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tindakan itu.

(4) Jika, dalam suatu tindakan di Mahkamah Perantaraan, terdapat pertikaian tentang suatu hakmilik terhadap sebarang harta tak alih yang didaftarkan di bawah Kanun Tanah, ia hendaklah mempunyai bidang kuasa jika semua pihak kepada tindakan itu bersetuju secara bertulis ; tetapi, jika mana-mana pihak tidak bersetuju, maka dia hendaklah, dalam masa satu bulan dari tarikh persetujuan itu memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya tindakan itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

(5) Dengan tidak menghiraukan bahawa jumlah yang dituntut atau nilai harta yang dipertikaikan melebihi dari \$60,000 atau jumlah yang lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim dengan Perintah dalam *Warta Kerajaan*, Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa dalam sebarang tindakan bagi mendapatkan kembali harta tak alih, dengan atau tanpa suatu tuntutan terhadap sewa atau hasil perantaraan atau terhadap gantirugi jika tiada terdapat pertikaian tentang suatu hakmilik yang didaftarkan di bawah Kanun Tanah, jika sewa kena dibayar berkaitan dengannya tidak melebihi dari suatu jumlah yang bersamaan dengan \$3,000 sebulan atau jumlah lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim dengan Perintah dalam *Warta Kerajaan* berkaitan dengan mana-mana kawasan yang dinyatakan dalam Perintah itu.

16. Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa bagi pemberian probet atau surat kuasa mentadbir berkaitan dengan harta pusaka seseorang yang telah mati di dalam Negara Brunei Darussalam, jika harta pusaka yang berkaitan dengannya pemberian itu dipohonkan, tidak termasuk apa yang si mati miliki atau berhak sebagai pemegang amanah dan tidak mendapat faedah tetapi tanpa memotong apa-apa kerana hutang piutang si mati, tidak melebihi dari nilai \$250,000 ; dan boleh mengubah, memansuh atau membatalkannya.

Penggal 40.

17. Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tindakan-tindakan berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka seseorang yang telah mati di dalam Negara Brunei Darussalam dan untuk menguatkuasakan pembahagiannya yang sepatutnya, jika harta pusaka, tidak termasuk apa yang si mati miliki atau berhak sebagai pemegang amanah dan tidak mendapat faedah tetapi tanpa memotong apa-apa kerana hutang piutang si mati, tidak melebihi dari nilai \$250,000.

Penggal 40.

18. Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk memberi pelepasan dengan cara interplider —

Bidang kuasa untuk memberi probet dsb.

Tindakan pentadbiran.

(a) jika bailif atau orang lain diberi tanggungjawab bagi menyempurnakan suatu writ, waran atau perintah Mahkamah Perantaraan dan suatu tuntutan dibuat terhadap

Perbicaraan interplider.

sebarang wang atau harta alih lain yang diambil atau di-cadangkan hendak diambil pada menyempurnakan writ, waran atau perintah itu, atau terhadap hasil atau nilai sebarang harta itu, oleh mana-mana orang selain daripada orang yang terhadapnya writ, waran atau perintah itu dikeluarkan atau dibuat ; dan

- (b) jika orang yang meminta pelepasan itu berada dalam tanggungan sebarang hutang, wang atau harta alih lain yang jumlah atau nilainya tidak melebihi dari \$60,000 atau jumlah yang lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim dengan Perintah dalam *Warta Kerajaan* dan yang baginya atau yang berkaitan dengannya dia telah atau menjangka akan didakwa oleh dua pihak atau lebih yang membuat tuntutan bertentangan terhadapnya.

Bidang kuasa lain.

19. (1) Jika plaintiff mempunyai suatu alasan tindakan terhadap lebih dari \$60,000 atau jumlah yang lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim dengan Perintah dalam *Warta Kerajaan* dalam mana, jika tidak kerana melebihi dari jumlah itu, Mahkamah Perantaraan mungkin mempunyai bidang kuasa, plaintiff boleh menggugurkan yang selebihnya supaya ianya termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Perantaraan, dan selepas itu Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tindakan itu, maka dengan itu plaintiff hendaklah tidak mendapatkan kembali yang selebihnya yang digugurkan itu dalam tindakan itu atau dalam sebarang tindakan yang kemudiannya.

(2) Jika Mahkamah Perantaraan mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan suatu tindakan di bawah ceraian (1), penghakiman hendaklah berupa penyelesaian penuh semua permintaan berkaitan dengan alasan tindakan itu.

(3) Pihak-pihak kepada suatu tindakan dalam mana Mahkamah Perantaraan, jika jumlah yang dituntut atau nilai hal perkara yang dipertikaikan tidak melebihi dari \$60,000 atau jumlah yang lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim dengan Perintah dalam *Warta Kerajaan*, mungkin mempunyai bidang kuasa boleh bersetuju dengan suatu memorandum bertandatangan yang dikemukakan di Mahkamah Perantaraan bahawa ia mempunyai bidang kuasa, dengan tidak menghiraukan bahawa jumlah yang dituntut atau nilai hal perkara yang dipertikaikan melebihi dari jumlah itu.

Pemindahan tuntutan balas dsb. ke Mahkamah Tinggi.

20. (1) Jika, dalam suatu tindakan di Mahkamah Perantaraan, tuntutan balas atau pembelaan mana-mana defendant membabitkan suatu perkara di luar kuasanya, mana-mana pihak kepada tindakan itu boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi dalam masa satu bulan dari penyampaian kepadanya akan tuntutan balas atau pembelaan itu bagi mendapatkan suatu perintah supaya keseluruhan perbicaraan, atau perbicaraan ke atas tuntutan balas atau pembelaan itu, dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

(2) Atas sebarang permohonan itu, Mahkamah Tinggi boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, memerintahkan masa ada —

- (a) supaya keseluruhan perbicaraan dipindahkan ke Mahkamah Tinggi, di mana tindakan itu hendaklah kemudiannya dicatatkan dalam buku guaman Mahkamah Tinggi dan diteruskan seolah-olah tindakan itu pada asalnya telah dimulakan di dalamnya ;
- (b) supaya keseluruhan perbicaraan dibicarakan di Mahkamah Perantaraan, di mana Mahkamah Perantaraan boleh meneruskan bidang kuasa dan menyelesaiannya dengan tidak menghiraukan bahawa tuntutan balas atau pembelaan itu membabitkan suatu jumlah yang dituntut atau hal perkara yang diperlukan yang nilainya melebihi dari \$60,000 atau jumlah yang lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Ketua Hakim dengan Perintah dalam *Warta Kerajaan* ;
- (c) supaya perbicaraan ke atas tuntutan balas itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi dan supaya perbicaraan ke atas tuntutan plaintif dan pembelaan terhadapnya selain dari suatu tolakan (jika ada) dibicarakan di Mahkamah Perantaraan :

Dengan syarat bahawa, jika suatu perintah dibuat di bawah perenggan (c) dan penghakiman ke atas tuntutannya diberi memihak kepada plaintif, penyempurnaan perintah itu hendaklah, melainkan jika Mahkamah Tinggi pada bila-bila masa memerintahkan sebaliknya, ditangguhkan sehingga perbicaraan yang dipindahkan ke Mahkamah Tinggi itu telah diputuskan.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang syarat lain Perintah ini, jika tiada permohonan dibuat di bawah ceraian (1) atau jika atas permohonan seumpama itu adalah diperintahkan supaya keseluruhan perbicaraan dibicarakan di Mahkamah Perantaraan, maka Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa.

21. Jika suatu tindakan telah dimulakan di Mahkamah Perantaraan, kos dan bayaran yang sama hendaklah dikenakan seolah-olah tindakan itu telah dimulakan di Mahkamah Tinggi.

Bayaran dan kos.

22.\* (1) Jika suatu penghakiman diberi yang di bawahnya sejumlah wang kena dibayar, sama ada dengan cara penyelesaian tuntutan atau tuntutan balas dalam tindakan itu atau dengan cara kos ataupun tidak, maka mahkamah boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, memerintahkan supaya wang itu dibayar sama ada —

Penyelesaian penghakiman terhadap pembayaran wang.

- (a) dalam satu jumlah wang, sama ada dengan serta-merta atau dalam tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut ; atau
- (b) dengan cara ansuran yang kena dibayar pada masa-masa sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Jika pada bila-bila masa adalah didapati sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu pihak kepada suatu tindakan tidak dapat membayar kerana sebarang sebab sebarang jumlah wang yang diperintahkan untuk dibayar olehnya (sama ada dengan cara penyelesaian tuntutan, tuntutan balas atau dengan cara kos ataupun tidak) atau sebarang ansurannya, maka mahkamah boleh, atas budi bicaranya, menggantung atau menangguhkan penghakiman itu bagi masa dan atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, sehingga didapati pihak itu mampu membayar.

(3) Jika suatu perintah bagi pembayaran dengan cara ansuran dibuat, pembayaran itu hendaklah dibuat ke dalam mahkamah, dan tiada penyempurnaan boleh dikeluarkan kecuali dengan kebenaran mahkamah.

Tiada pecahan  
alasan  
tindakan.

23. Suatu alasan tindakan hendaklah tidak dipisah atau dipecah dan diteruskan dalam tindakan-tindakan yang berasingan di Mahkamah Perantaraan semata-mata bagi maksud membawa jumlah yang ditutut dalam tiap-tiap tindakan itu dalam bidang kuasa Mahkamah Perantaraan.

Pemindahan  
Mahkamah  
Tinggi.

24. Jika didapati oleh Hakim Mahkamah Tinggi, atas permohonan suatu pihak kepada suatu tindakan di Mahkamah Perantaraan, bahawa tindakan itu membabitkan suatu persoalan undang-undang yang penting, adalah suatu kes ujian, atau kerana sebarang sebab lain yang mencukupi adalah satu-satunya yang patut dibicarakan di Mahkamah Tinggi, maka ia boleh memerintahkan supaya tindakan itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

Bidang kuasa  
sampingan  
dan kuasa-  
kuasa Hakim.

25. (1) Hakim Mahkamah Perantaraan hendaklah dalam sebarang tindakan di hadapannya —

- (a) memberi pelepasan, tebus rugi atau remedи atau gabungan remedи, sama ada secara mutlak atau ber-syarat ; dan
- (b) memberi kesan dan kesan yang sama terhadap tiap-tiap alasan pembelaan atau tuntutan balas, saksama atau mengikut undang-undang,

sebagaimana yang sepatutnya diberi dalam suatu tindakan yang sama di hadapan Mahkamah Tinggi.

(2) Hakim Mahkamah Perantaraan hendaklah mempunyai bidang kuasa dalam sebarang tindakan yang belum diputuskan di Mahkamah Perantaraan untuk membuat sebarang perintah atau untuk menjalankan atas suatu permohonan ex parte sebarang autoriti atau bidang kuasa yang, jika ianya ada kena-mengena dengan perbicaraan yang belum diputuskan di Mahkamah Tinggi, mungkin dibuat atau dijalankan oleh Hakim Mahkamah Tinggi di dalam kamar.

## BAHAGIAN VI

### RAYUAN DSB, DARI KEPUTUSAN MAHKAMAH PERANTARAAN

26. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), suatu rayuan dari keputusan Mahkamah Perantaraan pada menjalankan bidang kuasa sivilnya hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan seolah-olah ianya adalah suatu rayuan dari keputusan Mahkamah Tinggi.

Rayuan sivil.

(2) Tiada rayuan boleh dikemukakan dari sebarang penghakiman Mahkamah Perantaraan jika, sebelum penghakiman itu diberi, pihak-pihak kepada tindakan itu bersetuju secara bertulis bahawa ianya adalah terakhir dan muktamad di antara mereka.

27. Hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan daripada Mahkamah Perantaraan pada menjalankan bidang kuasa jenayahnya —

Rayuan jenayah, kajian semula dan rujukan.

- (a) suatu rayuan ;
- (b) suatu kajian semula akan hukuman yang dijatuhkan kepada mana-mana orang ; dan
- (c) suatu rujukan mengenai perkara undang-undang bagi pendapatnya jika mana-mana orang telah dibebaskan,

seolah-olah ianya adalah suatu rayuan, kajian semula atau rujukan (mengikut mana yang berkenaan) dari keputusan Mahkamah Tinggi, dan bagi maksud-maksud itu semua undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian sebagaimana yang mungkin perlu untuk membawanya menepati dengan Perintah ini.

## BAHAGIAN VII

### AM

28. (1) Seseorang pegawai kehakiman tidak boleh didakwa kerana sebarang perbuatan yang dilakukan olehnya pada menunaikan kewajipan kehakimannya, sama ada dalam had bidang kuasanya atau tidak, dengan syarat bahawa pada masa itu dengan suci hati dia mempercayai dirinya mempunyai bidang kuasa untuk melakukan perbuatan itu.

Perlindungan pegawai kehakiman dan pegawai lain.

(2) Tiada pegawai Mahkamah Perantaraan atau orang lain yang diberi kewajipan bagi menyempurnakan sebarang writ, saman, waran, perintah, notis atau proses mandatori lain Mahkamah Perantaraan boleh didakwa kerana menyempurnakan atau cuba menyempurnakan writ, saman, waran, perintah, notis atau proses mandatori lain itu, atau berkaitan dengan sebarang kerosakan yang berlaku ke atas sebarang harta dalam melakukan atau cuba melakukan penyempurnaannya, melainkan jika dia dengan mengetahui telah bertindak

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

melebihi dari kuasa yang diberikan kepadanya oleh writ, saman, waran, perintah, notis atau proses mandatori lain yang berkenaan itu, dan dia hendaklah tidak dianggap telah bertindak dengan mengetahui melebihi dari kuasanya hanya dengan sebab wujudnya suatu pertikaian tentang pemilikan sebarang harta yang dirampas di bawah sebarang writ atau perintah atau penyempurnaan.

Ketiadaan  
Hakim  
sebelum  
memutuskan  
perbicaraan.

29. Jika Hakim Mahkamah Perantaraan dicegah kerana sebarang sebab apapun dari memutuskan sebarang perbicaraan, sama ada pada menjalankan bidang kuasa jenayah atau sivil mahkamah, mana-mana Hakim lain Mahkamah Perantaraan boleh, dengan persetujuan pihak-pihak itu, meneruskan perbicaraan itu dan boleh memberi penghakiman mengenainya, dan dalam berbuat demikian boleh bertindak bukan sahaja ke atas sebarang keterangan lanjut yang dikemukakan dalam perbicaraan itu tetapi juga ke atas sebarang keterangan yang sudah diterima setakat yang ianya telah direkodkan.

Amalan dan  
tatacara.

30. Tertakluk kepada Perintah ini, amalan dan tatacara yang berkuatkuasa pada masa itu —

- (a) Mahkamah Tinggi, pada menjalankan bidang kuasa jenayah dan sivilnya ; dan
- (b) atas rayuan-rayuan kepada Mahkamah Rayuan dari keputusan Mahkamah Tinggi,

hendaklah dikenakan berkenaan dengan Mahkamah Perantaraan dan bagi maksud-maksud itu hendaklah ditafsirkan tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian sebagaimana yang mungkin perlu untuk membawanya menepati dengan Perintah ini.

Kuasa-kuasa  
yang  
membolehkan.

31. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh dengan Perintah membuat syarat-syarat sebagaimana yang pada pendapat baginda mungkin diperlukan atau mustahak —

- (a) bagi menguatkuasakan Perintah ini ;
- (b) bagi maksud membawa sebarang undang-undang ber tulis yang lain selaras dengan Perintah ini atau sebarang Perintah yang dibuat di bawahnya.

(2) Ketua Hakim boleh memberi arahan sama ada dalam suatu perbicaraan tertentu atau dalam perbicaraan dari kelas atau perihal tertentu atau pada amnya, sebagaimana yang pada pendapatnya mungkin diperlukan atau mustahak untuk memenuhi sebarang kesusahan yang berbangkit dari pentafsiran ceraian (2) dari bab 13, bab 27 dan bab 30.

Pengecualian.

32. Jika suatu tindakan telah dimulakan di Mahkamah Tinggi atau di mahkamah majistret atau jika sebarang keterangan telah diambil sama ada dari mahkamah-mahkamah itu dalam sebarang perbicaraan pada menjalankan bidang kuasa jenayahnya, maka tindakan atau perbicaraan itu hendaklah, jika tidak diselesaikan sebelum hari yang

24hb. OGOS, 1991

---

ditetapkan bagi menguatkuasakan Perintah ini, diteruskan dan diselesaikan di mahkamah-mahkamah itu seolah-olah Perintah ini belum dibuat.

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Julai, 1991 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM